

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH : 28.10.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) status terkini mengenai permohonan pemindahan SJK(C) Ladang Ulu Kanchong di Negeri Sembilan; dan
- (b) mengapakah Kerajaan tidak memberi bantuan yang sepenuhnya untuk memindahkan sekolah-sekolah SJK (C) dan SJK(T) yang bilangan pelajaranya amat kurang ke kawasan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Permohonan membina bangunan baharu SJKC Ladang Ulu Kanchong, Rantau ke tapak baharu di Lot 35 963 Forest Height, Mukim Ampangan Seremban telah dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 2013 dan keputusan telah ditangguhkan kerana jumlah dana yang dikemukakan pada masa itu (hanya sebanyak 2.71 peratus daripada anggaran kos projek (RM5.63 juta)

- b) SJKC dan SJKT terdiri daripada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Kebanyakan sekolah SJKC dan SJKT (sekolah bantuan kerajaan) terletak di atas tapak hak milik sama ada Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), individu perseorangan, tanah wakaf atau ladang dan pembinaan bangunan sekolah juga biasanya dibiayai oleh LPS, individu perseorangan atau pihak ladang. Selain itu, pemindahan SJKC dan SJKT ke tapak baharu adalah bergantung kepada permohonan pihak tertentu dan tapak yang telah dikenal pasti untuk dipindahkan serta mendapat persetujuan berpindah sekolah oleh semua ibu bapa atau penjaga murid. Bagi SBK, adalah menjadi tanggungjawab pihak LPS yang menjadi pemilik tapak sekolah berkenaan untuk mencari tapak baharu sekiranya ingin memindahkan sekolah tersebut. Bagi SBK yang terletak di kawasan ladang, pihak ladang perlu menyediakan tapak gantian yang baharu sekiranya ingin mengambil semula tapak sekolah berkenaan. Selain itu, sekolah-sekolah yang kurang murid ini, boleh dicadangkan untuk digabungkan mengikut aliran sekolah yang sama setelah mendapat persetujuan ibu bapa atau komuniti setempat. Sekiranya penggabungan Sekolah Kurang Murid (SKM) atau pemindahan SKM ke lokasi baru dapat dilaksanakan melalui inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, maka diharapkan dapat meningkatkan kualiti pendidikan semua SKM, mewujudkan dan menyesuaikan persekitaran pembelajaran kondusif untuk semua murid; dan meningkatkan hasil pembelajaran dan mengurangkan kos operasi semua SKM dan pada masa yang sama memastikan prestasi sekolah ini setanding dengan sekolah awam yang lain.